

MODAL JUAL MOTOR

Tindakan
nekad
Mohamad
Ambri
berbaloi
apabila kini
muncul
penternak
kambing
berjaya

NIAGA TANI

DARI MUKA 1

Beberapa hari selepas keputusan SPM diumumkan, dia terbaca iklan di Harian Metro mengenai pengambilan pelajar baru Institut Veterinar Malaysia (IVM) di Kluang, Johor, dan terus memohonnya.

Rezeki berpihak kepadanya apabila diterima masuk ke institut itu walaupun terpaksa 'menghampakan' impian ibu bapanya yang mahu dia melanjutkan pelajaran di politeknik.

Selepas dua tahun belajar, anak jati FELDA Palong 15, Negeri Sembilan, itu menamatkan pengajian dengan memperoleh Sijil Kemahiran Veterinar Tahap 3 pada 2011.

Kini, Mohamad Ambri, 25, gigih memelihara pelbagai jenis kambing di tanah rizab Ladang FELDA Global Ventures (FGV) FELDA Palong 21 kira-kira lima kilometer dari rumahnya.

"Sebaik tamat belajar, dengan berbekalkan wang simpanan dan menjual motosikal untuk dijadikan modal tambahan, saya tekad bekerja sendiri



MOHAMAD Ambri bersama Norwanidah memeriksa anak kambing


dengan memelihara kambing," kata anak bongsu daripada tiga beradik itu.

Katanya, FGV memberi kebenaran kepadanya membina kandang di tanah seluas 0.8 hektar, sekali gus menjadi titik permulaannya bergelar

penternak komersial.

Katanya, kandang berukuran 24 x 60 kaki yang menelan belanja RM30,000 dibina pada 2012 secara berperingkat sebelum diperbesar dengan kos keseluruhan mencecah RM100,000.

"Bermula dengan 90



MOHAMAD Ambri menyediakan makanan anak kambing ditanam

Rutin kerja di kandang bermula seawal jam 8 pagi dan berlarutan sehingga malam bagi memastikan semua kambing diberi perhatian terutama jika ada yang sakit

MOHAMAD AMBRI

RUTIN HARIAN

- **8 pagi:** Memulakan tugas di kandang seperti bersihkan kandang, memberi susu kepada anak kambing dan kerja lain.
- **12 tengah hari:** Melepaskan kambing dewasa ke luar kandang.
- **4 petang:** Melepaskan kambing ke dalam kebun sawit untuk meragut rumput.
- **6.30 petang:** Membawa masuk kambing ke kandang dan mengira jumlah.
- **8 malam:** Tugas selesai.

● BAKA KAMBING DITERNAK

- Biri-biri jenis 'barbados'
 - Biri-biri 'long tail'
 - Kambing Black Belly
 - Kambing Santa Ines
 - Kambing Darmara
 - Kambing Boer
 - Kambing Jamnapari
- Kandang menggunakan tenaga solar untuk bekalan elektrik dan sumber air dari telaga yang digali berhampiran kandang.

kambing, kini jumlahnya meningkat kepada 600 ekor. Ia terdiri daripada biri-biri, Boer dan Jamnapari yang sentiasa mendapat permintaan daripada orang ramai.

"Rutin kerja di kandang bermula seawal jam 8 pagi dan berlarutan sehingga malam bagi memastikan semua kambing diberi perhatian terutama jika ada yang sakit," katanya.

Mohamad Ambri yang baru mendirikan rumah tangga Ogos lalu berbangga kerana isterinya Norwanidah Jamaludin, 25, yang juga lulusan Kolej Pertanian Malaysia di Bukit Tinggi, Kedah, sanggup bersamanya bekerja di kandang.

Katanya, biarpun tampak rumit terutama menjaga anak kambing yang baru dilahirkan, ia menyeronokkan kerana dapat melihat haiwan itu membesar di depan mata.

Begitupun, dia hampir berputus asa berikutan beberapa insiden seperti kambing dicuri orang atau dimakan anjing. Namun disebabkan minat mendalam, masalah berkenaan dianggap sebagai ujian.

"Slapa tidak sedih apabila lebih 20 kambing mati dimakan anjing. Ini tidak termasuk dicuri orang, namun saya menganggap ia asam garam kehidupan.

"Nasib baik ibu (Azmah Zariah Mdsol, 51,) yang turut membantu di kandang memberi sokongan selain isteri yang tidak jemu memberi semangat," katanya yang berhasrat meluaskan kandang jika mendapat pinjaman bank.

Ini berikutan kandang sedia ada tidak lagi mampu menampung jumlah kambing yang semakin meningkat sekali gus memerlukan lebih luas.

Hanya menerima pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) sebanyak RM8,000, Mohamad Ambri mengakui jiwanya lebih sesuai dalam bidang ternakan.

"Selain kambing, saya turut menjaga 150 lembu dan 25 kerbau yang diusahakan ayah berhampiran kandang kambing saya.

"Setiap bulan, saya perlu menyediakan dua tan dedak sebagai makanan utama kepada kambing, manakala makanan sampingan seperti tahi minyak dibeli dari kilang sawit berhampiran sebanyak satu tan setiap hari," katanya. **AhNor Hamizam Abd Manap**



KAMBING yang dilepaskan keluar kandang diberi makan tahi minyak sebagai makanan tambahan.



KANDANG kambing milik Mohamad Ambri.